

06 MAY 1998

Badminton-Mahathir

DR MAHATHIR GESA PASUKAN PIALA THOMAS UTAMAKAN NEGARA

Oleh: David Chelliah

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak mahu pemain badminton negara memikirkan keuntungan material semata-mata sebaliknya berusaha menyemarakkan lagi maruah negara di samping membawa balik kegemilangan pada perlawanan akhir Piala Thomas di Hong Kong minggu depan.

"Jangan hanya fikirkan tentang faedah material tetapi ingat kegemilangan yang akan diterima terhadap diri sendiri, keluarga dan negara jika kamu bawa pulang Piala Thomas," begitulah bunyi pesanan Dr Mahathir yang disampaikan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Hasmah menyampaikan pesanan itu kepada skuad Piala Thomas sewaktu beliau meraikan mereka pada satu majlis "hi-tea" di sebuah hotel terkemuka di sini hari ini.

Isteri Perdana Menteri juga memberitahu anggota pasukan itu supaya tidak mementingkan hadiah wang tunai dan lain-lain insentif tetapi hendaklah mengutamakan negara dalam perjuangan mereka untuk membawa pulang piala berharga itu dari Hong Kong.

"Jika kamu bersikap negatif, akhirnya kamu akan menemui kegagalan...jika kamu bersikap positif maka kejayaan sudah pasti milik kamu semua," kata peminat badminton nombor satu negara itu.

Dr Hasmah berkata beliau bangga kerana skuad pemain yang ada sekarang telah menundukkan pemain kelas dunia sebelum ini dan yakin dengan bantuan ketua jurulatih Morten Frost dan Misbun Sidek, pasukan negara akan mempamerkan persembahan terbaik mereka.

Katanya, beliau akan hanya terbang ke Hong Kong menyaksikan perlawanan akhir sekiranya Malaysia layak ke pertarungan akhir itu.

"Suami saya (Dr Mahathir) berkata saya hanya boleh ke Hong Kong jika pasukan negara beraksi dalam perlawanan akhir," katanya.

Sementara itu, presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM) Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan, yang turut memberi kata dua kepada para pemain berkenaan, berkata pihaknya berkeyakinan penuh terhadap kemampuan pasukan negara meskipun tanpa Rashid Sidek.

Beliau berkata anggota pasukan kini lebih bersatu daripada skuad tahun 1996 dulu.

"Kami ingin melupakan episod 1996...saya rasa selesa sekarang kerana segala masalah telah ditangani di sini dengan baik sebelum kami berlepas ke Hong Kong," katanya.

Pada perlawanan akhir di Hong Kong tahun 1996, Malaysia gagal melepasi halangan ke separuh akhir dan terdapat perselisihan antara pemain dari BAM dan Nusa Mahsuri, syarikat pengurusan swasta yang dikendalikan bekas pemain beregu Jalani Sidek.

Frost, selaku pengarah kejurulatihan BAM, berkata pasukan negara sudah membuat persiapan rapi dan siap sedia menghadapi cabaran pada pusingan akhir.

"Sepanjang 20 tahun kerjaya saya sebagai pemain dan jurulatih, belum pernah saya bertemu dengan sebuah pasukan yang begitu teratur sekali persiapannya. Saya tidak sabar lagi melihat mereka beraksi," kata jurulatih Denmark yang mula memikul tanggungjawab itu tahun lepas.

Pengurus pasukan Datuk Al-Amin Majid, pula berkata walaupun Malaysia telah meletakkan sasaran untuk layak ke separuh akhir, beliau berharap pasukan negara mampu mara ke perlawanan akhir dan jika boleh menjulang piala yang tidak ternilai itu.

Malaysia akhir sekali memenangi piala itu pada 1992 di sini.
Pasukan negara akan berlepas ke Hong Kong pada 14 Mei dan berhadapan
dengan Korea Selatan dalam perlawanan pembukaan pada 16 Mei.

-- BERNAMA

DC ZAB